

Kafe Lounge Kesumba Biz & Beat untuk kemudahan staf dan pelajar UMS Labuan

UB 16.10.2016 B8

LABUAN: Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA), Kampus Antarabangsa Labuan (KAL) telah mengambil inisiatif membuka Kafe Lounge Kesumba Biz & Beat bagi memudahkan kakitangan membeli dan mendapatkan makanan seperti sarapan pagi dan makan tengah hari tanpa perlu keluar jauh dari kampus.

Pengerusi Kesumba KAL, Hayati Salleh Baihaki berkata Kafe Lounge Kesumba Biz & Beat yang terletak di Aras 11, Bangunan Menara Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) itu juga bagi menyokong aspirasi UMS mewujudkan persekitaran sihat dan kondusif untuk kakitangan.

Katanya, sejak beroperasi pada 2 Februari 2016, Kafe Lounge Kesumba Biz & Beat juga dapat mengurangkan masa terbuang kakitangan untuk keluar mencari makan setiap kali waktu rehat seterusnya dapat meningkatkan produktiviti kerja kakitangan dan mengurangkan kes keluar pejabat pada waktu bekerja.

"Harga yang ditawarkan di Kafe Lounge Kesumba Biz & Beat juga adalah mengikut kadar yang telah

ditetapkan kerana selain daripada kakinangan, pelajar UMSKAL juga berkunjung ke kafe tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan sempena Majlis Perasmian Kafe Kesumba Biz & Beat, UMSKAL di Kafe Kesumba Aras 11, Menara UMSKAL, kelmarin.

Majlis perasmian kafe tersebut disempurnakan oleh Yang DiPertua KESUMBA, Datin Baidah Ibrahim.

Turut hadir Naib Canselor, Universiti Malaysia Sabah merangkap Penasihat Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita UMS (KESUMBA), Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan, merangkap Penasihat KESUMBA KAL, Prof. Madya Dr. Murnizam Halik dan Pemangku Bendahari Universiti Malaysia Sabah, Zallifah Shadan.

Hadir sama Timbalan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Dr Hanudin Amin, Timbalan Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Dr Zamhar Iswandono dan Timbalan Pendaftar Kanan, Zamri



BAIDAH (kanan) menyampaikan sumbangan Kesumba sebanyak RM5,000 Zakiah Hassan Pengerusi Persatuan Autisme Labuan.

Mohamad Tuah.

Hayati berkata hasrat mewujudkan kafe itu tidak akan terlaksana tanpa bantuan dan sokongan jitu daripada pihak pengurusan UMS yang sentiasa menyokong program dan aktiviti KESUMBA.

Pada majlis itu, beliau mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada pihak pengurusan UMSKAL di bawah pimpinan Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Murnizam Halik kerana telah memberi peluang dan kepercayaan kepada KESUMBA KAL menyewa ruang di Aras 11 untuk menjalankan perniagaan dan mengendalikan Kafe B&B semenjak 12 Jun 2015.

Lounge.

"Kafe ini juga telah membuka peluang perniagaan kepada ahli-ahli Kesumba di kalangan suri rumah untuk menjual kek dan dessert mereka," katanya penuh bangga.

Kata Hayati, kehadiran Dr Mohd Harun dan Datin Baidah amat dihargai dan semoga ini menjadi pemangkin kepada KESUMBA KAL untuk terus Maju Sehati lagi.

Hayati turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada Datin Baidah kerana telah memberi kepercayaan dan melantik beliau sebagai Pengerusi KESUMBA KAL semenjak 12 Jun 2015.